

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4 December 2015

Umur maksimum Pengerusi JKKK, JKKP dilanjut dua penggal - Perdana Menteri

# Berkhidmat hingga 69 tahun

UM - 4/12/2015

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**  
dan **AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 DIS.

**K**ERAJAAN mengumumkan had umur maksimum Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) seluruh negara dinaikkan daripada 65 tahun kepada 69 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, soal had umur ketua JKKK dan JKKKP itu telah menimbulkan pelbagai polemik sama ada mengekalkannya pada usia 65 tahun atau menambahnya.

"Maka, hari ini saya ingin mengumumkan supaya ditambah had umur ini untuk dua penggal lagi kepada 69 tahun.

"Kecuali kepada mereka yang uzur, kalau mampu mereka boleh sambung kepada umur 69 tahun" katanya ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan JKKK dan JKKKP di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini. Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap agar pengumuman itu mampu menyelesaikan masalah pemilihan ketua-ketua JKKK di beberapa negeri.

"Jadi dengan ini, mudah-mudahan selesaikan masalah di beberapa negeri, kerana saya dengar ada negeri yang masih belum melantik JKKK mereka," kata beliau.

Menurut beliau, sebelum ini had umur itu turut menimbulkan isu seperti pemilihan yang dikatakan tidak adil.

"Selepas ini saya tidak mahu ada lagi 'pilih bulu', kalau hendak bagi (lanjut khidmat) kita bagi semua, jangan pilih ikut *case by case* (individu tertentu)," ujar beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri



**NAJIB TUN RAZAK** berucap dalam Majlis Perhimpunan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

turut mengingatkan bahawa peranan kumpulan itu amat penting dalam menjadi asas kepada kekuatan kerajaan.

"JKKK dan JKKKP ini ibarat seperti tapak kepada sebuah piramid, mereka yang akan menjadi kekuatan kepada struktur kerajaan.

"Kalau pemimpin akar umbi ini kuat, kalau mereka kukuh, maka kepemimpinan atas sudah tentu tidak mudah ditolak sesiapa sahaja," kata Najib.

Jelas Perdana Menteri, peranan kumpulan tersebut bukan sekadar sebagai pemohon penambahan projek di kawasan masing-masing sebaliknya menjadi 'lidah, mata dan telinga' kerajaan di peringkat akar umbi.

"Mereka inilah menjadi penghubung antara kerajaan dan rakyat. Merekalah akan membantu kerajaan untuk merasai denyut nadi rakyat dan sebarang permasalahan rakyat," kata beliau.

Dalam majlis berkenaan, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM10 juta kepada Institut Kemajuan Desa bagi tujuan memperkasa kumpulan tersebut di bawah program Transformasi Luar Bandar.

## Sukarelawan perlu bergerak dalam

**KUALA LUMPUR 3 Dis.** - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu semua sukarelawan sama ada mewakili individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan korporat atau agensi kerajaan bergerak dalam satu pasukan bagi memastikan kerja-kerja menyampaikan bantuan dapat dilakukan secara sistematik.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya sukarelawan bergerak secara bersendirian, usaha menyampaikan bantuan akan menjadi tidak efektif dan akhirnya menyebabkan kerja-kerja sukarelawan menjadi kacar-kacir.

"Jika bergerak sebagai satu pasukan, ada kepemimpinan yang mempunyai kaedah untuk mencari bantuan dan sumbangan dapat dilakukan secara lebih teratur dan berkesan.

"Sehubungan itu, langkah yang diambil sekretariat sukarelawan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dibentuk ketika bencana banjir besar tahun lalu untuk menubuhkan Sukarelawan JPM secara rasmi adalah amat dialu-alukan," katanya ketika berucap dalam Majlis Apresiasi Perdana Menteri dan Pelancaran Sukarelawan JPM, di sini hari ini.